



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 61  
Bil. 1

**1hb Januari 2008**

*TAMBAHAN No. 1  
PERUNDANGAN*

---

## Pk. P.U. 1.

ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Enakmen Mineral (Perak) 2003 [*Enakmen Bil. 7 tahun 2003*], Pihak Berkuasa Negeri menetapkan 1 Januari 2008 sebagai Enakmen itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh 1 Januari 2008  
[PU.Pk. 20/2002]

ZAIIDUL BAKRI BIN HJ ABD MUTALIB  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Perak*

## MINERAL (PERAK) ENACTMENT 2003 APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

IN exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Mineral (Perak) Enactment 2003 [*Enactment No. 7 of 2003*], the State Authority appoints January 2008 as the date on which the Enactment comes into operation.

Dated 1 January 2008  
[PU.Pk. 20/2002]

ZAIIDUL BAKRI BIN HJ ABD MUTALIB  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

---

**Pk. P.U. 2.**

ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008

---

**SUSUNAN PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

**BAHAGIAN II**

**PEMINDAHMILIKKAN, PELESENAN DAN PEMAJAKAN TENEMEN MINERAL**

**Bab 1 - Pemindahmilikkan Tenemen Mineral**

2. Permohonan pemindahmilikkan tenemen mineral
3. Kelulusan
4. Fi pemindahmilikkan

**Bab 2 - Lesen Memfosik**

5. Tafsiran
6. Kelayakan
7. Permohonan lesen memfosik
8. Kelulusan
9. Fi pengeluaran
10. Syarat-syarat
11. Penyerahan dan pembatalan

**Bab 3 - Lesen Mendulang**

12. Permohonan lesen mendulang
13. Kelulusan
14. Fi pengeluaran
15. Syarat-syarat
16. Penyerahan dan pembatalan

---

### **Bab 4 - Lesen Melombong Individu**

Peraturan

17. Permohonan lesen melombong individu
18. Kelulusan
19. Fi pengeluaran
20. Syarat-syarat
21. Penyerahan dan pembatalan

### **Bab 5 – Lesen Mencari gali dan Lesen Penjelajahan**

22. Peta Rasmi Tenemen Mineral dan Sistem Grid Berangka
23. Sempadan
24. Kawasan lesen mencari gali
25. Kawasan lesen penjelajahan
26. Permohonan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan
27. Kelulusan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan
28. Fi pengeluaran
29. Syarat-syarat lesen mencari gali
30. Syarat-syarat lesen penjelajahan
31. Syarat-syarat berkanun lesen mencari gali atau lesen penjelajahan
32. Permohonan pembaharuan
33. Kelulusan pembaharuan
34. Permohonan lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras
35. Kelulusan lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras
36. Syarat-syarat lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras
37. Fi pembaharuan
38. Pelepasan sukarela
39. Notis bagi penjelajahan lapangan
40. Penyerahan

### **Bab 6 - Pajakan Melombong**

41. Permohonan pajakan melombong
42. Kelulusan
43. Penukaran skala besar kepada skala kecil dan sebaliknya
44. Fi pengeluaran
45. Pembaharuan pajakan melombong
46. Syarat-syarat berkanun pajakan melombong
47. Kelulusan pembaharuan
48. Notis
49. Penyerahan pajakan melombong

---

### Bab 7 - Lesen Melombong Tuan Punya

#### Peraturan

50. Permohonan lesen melombong tuan punya
51. Kelulusan
52. Fi pengeluaran
53. Pembaharuan lesen melombong tuan punya
54. Notis
55. Penyerahan lesen melombong tuan punya

### BAHAGIAN III

#### PAMPASAN

56. Permohonan pampasan
57. Prosedur penentuan amaun pampasan yang kena dibayar

### BAHAGIAN IV

#### OBLIGASI KEWANGAN

58. Kadar fi pegangan dan sewa
59. Cara pembayaran fi pegangan dan sewa
60. Kadar royalti
61. Penentuan nilai pasaran mineral
62. Pembayaran royalti
63. Notis tuntutan tunggakan sewa, fi dan royalti

### BAHAGIAN V

#### PERUNTUKAN MENGENAI AIR

64. Permohonan lesen air
65. Kelulusan lesen air
66. Fi pengeluaran lesen air
67. Permohonan permit air
68. Kelulusan permit air
69. Fi pengeluaran permit air
70. Permohonan pembaharuan permit air
71. Kelulusan pembaharuan permit air
72. Notis
73. Permohonan pampasan
74. Penentuan pampasan

## Peraturan

- 75. Permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing sungai
- 76. Permohonan untuk mengubah atau mengganggu anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter
- 77. Standard air

**BAHAGIAN VI**  
**MEREKOD DAN PENDAFTARAN**

- 78. Fi pengeluaran
- 79. Akuan penerimaan
- 80. Fi pemeriksaan

**BAHAGIAN VII**  
**PEMULIHAN**

- 81. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong
- 82. Pembayaran sejumlah wang tahunan ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama
- 83. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama

**BAHAGIAN VIII**  
**AM**

- 84. Pergerakan bijih mineral
- 85. Kesalahan yang boleh dikompaun
- 86. Pemindahan jentera pengorek
- 87. Notis mengenai siasatan

## JADUAL

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003**  
**PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 188 Enakmen Mineral (Perak) 2003 [ *Enakmen No.7 tahun 2003* ], Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan membuat peraturan-peraturan yang berikut :

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-Peraturan Mineral (Perak) 2008.  
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**BAHAGIAN II**

**PEMINDAHMILIKAN, PELESEAN DAN PEMAJAKAN TENEMEN MINERAL**

**Bab 1 – Pemindahmilikkan Tenemen Mineral**

**Permohonan pemindahmilikkan tenemen mineral**

2. (1) Sesuatu permohonan bagi pemindahmilikkan suatu tenemen mineral di bawah subseksyen 19(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Pertama.  
(2) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subseksyen 19(1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Kelulusan**

3. Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen 19(1) Enakmen diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

**Fi pemindahmilikkan**

4. Fi yang kena dibayar di bawah perenggan 19(6)(a) Enakmen bagi pemindahmilikkan suatu tenemen mineral, selain pajakan melombong, adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Bab 2 – Lesen Memfosik**

**Tafsiran**

5. Bagi tujuan Bab ini, “peralatan atau jentera” ertiannya apa-apa peralatan atau jentera yang dikendalikan dengan kuasa mekanikal, hidraulik, pneumatik atau elektrik yang berupaya untuk menggali atau merobek permukaan atau subpermukaan; dan termasuk jentolak, perobek, jenkaut, jentali, pam penyedut, kapal korek, jenkitis kabel, jensodok muka, jenmuat bahagian depan atau gantung, penyiring, pencekau, timba sauk, jenkorek, pengorek parit, penggred tanah dan peralatan atau jentera lain yang serupa.

### **Kelayakan**

**6.** Suatu lesen memfosik tidak boleh diberikan kepada seseorang yang terlibat secara komersial sebagai tukang emas, lapidari, pengumpul mineral atau peniaga batu permata, batu separa bernilai atau mineral atau benda-benda lain yang serupa.

### **Permohonan lesen memfosik**

**7.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen memfosik di bawah subseksyen 21(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Pertama.

(2) Jika pemohon bercadang untuk memfosik dalam suatu kawasan yang termasuk di dalam mana-mana tanah beri milik, tanah pendudukan, tanah lombong, kawasan mencari gali atau penjelajahan, kebenaran bertulis daripada tuan punya, penerima pajak atau pemegang lesen hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan permohonan itu.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subseksyen 21(2) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Kelulusan**

**8.** Pengarah boleh meluluskan atau menolak suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 21(2) Enakmen dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permohonan itu.

### **Fi pengeluaran**

**9.** Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 21(5) Enakmen untuk pengeluaran suatu lesen memfosik adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Syarat-syarat**

**10.** Sebagai tambahan kepada syarat-syarat berkanun dalam seksyen 22 Enakmen dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam lesen memfosik di bawah subseksyen 21(5) Enakmen, pemegang lesen itu—

- (a) hendaklah memastikan bahawa tapak yang telah difosik ditinggalkan dalam keadaan bersih dan kemas dan apa-apa gangguan pada tanah dipulihkan dengan semunasabahnya kepada keadaan sebelumnya;
- (b) hendaklah memastikan bahawa tiada aliran keluar atau saliran daripada aktiviti memfosik yang dijalankan menghakis atau mencemar mana-mana tanah dan tiada gersik, kotoran, lumpur, sampah atau air daripada aktiviti itu menyebabkan kesulitan atau gangguan awam;
- (c) tidak boleh menggunakan apa-apa bahan letupan atau apa-apa peralatan atau jentera yang dikendalikan dengan kuasa;
- (d) hendaklah memastikan bahawa memfosik tidak mengganggu penggunaan atau tidak menghalang kenikmatan kawasan itu dirasai oleh orang lain;
- (e) hendaklah mengehadkan pemindahan bahan dari kawasan itu ke takat tidak melebihi 50 kilogram, kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;

- (f) tidak boleh mengorek 1 meter dari permukaan kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (g) tidak boleh berada atau bekerja dalam, apa-apa syaf atau penggalian pada kedalaman melebihi 2 meter dari permukaan kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah; dan
- (h) tidak boleh membina apa-apa struktur kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah.

### **Penyerahan dan pembatalan**

- 11.** (1) Lesen memfosik boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.
- (2) Pengarah hendaklah memberitahu Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi, Ketua Pengarah Galian dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri tentang mana-mana pembatalan suatu lesen memfosik di bawah subperaturan (1).

### **Bab 3 – Lesen Mendulang**

#### **Permohonan lesen mendulang**

- 12.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen mendulang di bawah subseksyen 28(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 3 Jadual Pertama.
- (2) Jika pemohon bercadang untuk mendulang dalam suatu kawasan yang termasuk di dalam mana-mana tanah beri milik, tanah pendudukan, tanah lombong, kawasan mencari gali atau penjelajahan, kebenaran bertulis daripada tuan punya, penerima pajak atau pemegang lesen hendaklah dilampirkan bersama-sama permohonan itu.
- (3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subseksyen 28(2) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

#### **Kelulusan**

- 13.** Pengarah boleh meluluskan atau menolak suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 28(2) Enakmen dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permohonan itu.

#### **Fi pengeluaran**

- 14.** Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 28(5) Enakmen untuk pengeluaran suatu lesen mendulang adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

#### **Syarat-syarat**

- 15.** Sebagai tambahan kepada syarat-syarat berkanun dalam seksyen 29 Enakmen, pemegang lesen itu—
- (a) hendaklah mengambil apa-apa langkah berjaga-jaga dan menggunakan peralatan perlindungan diri yang bersesuaian dengan bahaya rupa bumi; dan
  - (b) tidak boleh:

- (i) menggali parit atau lubang 1 meter dari permukaan kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (ii) memasuki kawasan kerja lombong lama;
- (iii) bekerja selepas senja kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (iv) membina apa-apa struktur kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah; dan
- (v) menggunakan apa-apa bahan kimia yang merosakkan tumbuhan dan manusia.

### **Penyerahan dan pembatalan**

**16.** (1) Lesen mendulang boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.

(2) Pengarah hendaklah memberitahu Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi, Ketua Pengarah Galian dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri mengenai apa-apa pembatalan suatu lesen mendulang di bawah subperaturan (1).

### **Bab 4 – Lesen Melombong Individu**

#### **Permohonan lesen melombong individu**

**17.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen melombong individu di bawah subseksyen 35(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 4 Jadual Pertama.

(2) Pengarah boleh meminta supaya pemohon mengemukakan maklumat yang difirkannya perlu.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subseksyen 35(2) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

#### **Kelulusan**

**18.** Pengarah boleh meluluskan atau menolak suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 35(2) Enakmen dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan permohonan itu.

#### **Fi pengeluaran**

**19.** Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 35 (4) Enakmen untuk pengeluaran suatu lesen melombong individu adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

#### **Syarat-syarat**

**20.** Sebagai tambahan kepada syarat-syarat berkanun dalam seksyen 36 Enakmen dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam lesen melombong individu di bawah subseksyen 35(4) Enakmen, pemegang lesen itu—

- (a) hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dan menggunakan peralatan perlindungan diri yang bersesuaian dengan bahaya rupa bumi;
- (b) hendaklah mempunyai akses yang cepat dan mudah kepada alat pertolongan cemas yang sesuai;

- (c) hendaklah menupang dinding suatu penggalian atau suatu parit yang digali yang kedalamannya melebihi 1 meter daripada permukaan kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (d) tidak boleh:
  - (i) bekerja selepas senja kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah;
  - (ii) menggunakan apa-apa bahan kimia yang merosakkan tumbuhan dan manusia kecuali kebenaran bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Pengarah; dan
  - (iii) melepaskan gersik, kotoran, lumpur atau sampah daripada aktiviti perlombongan ke dalam mana-mana sistem saliran atau anak sungai.

### **Penyerahan dan pembatalan**

- 21.** (1) Lesen melombong individu boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.
- (2) Pengarah hendaklah memberitahu Ketua Pengarah Penyiasatan Kajibumi, Ketua Pengarah Galian dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri mengenai apa-apa pembatalan suatu lesen melombong individu di bawah subperaturan (1).

### **Bab 5 – Lesen Mencari gali dan Lesen Penjelajahan**

#### **Peta Rasmi Tenemen Mineral dan Sistem Grid Berangka**

- 22.** (1) Suatu permohonan bagi suatu lesen mencari gali atau penjelajahan hendaklah menyatakan kawasan yang dipohon berdasarkan kepada kawasan-kawasan yang ada untuk dipohon sebagaimana yang dicartakan dalam Peta Rasmi Tenemen Mineral Pihak Berkuasa Negeri.
- (2) Peta Rasmi Tenemen Mineral ia Siri (Baru) Peta Topografi Malaysia yang berskala 1: 63,360 atau 1: 50,000 yang di atasnya hendaklah menunjukkan meterai rasmi dan tandatangan Pengarah pada penjuru kiri atas dan penjuru kanan bawah peta tersebut.

- (3) Pengarah hendaklah menandakan di atas Peta Rasmi Tenemen Mineral—
  - (a) tanah-tanah yang padanya lesen dan pajakan sedang berkuat kuasa;
  - (b) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan yang berkenaan dengannya tenemen mineral tidak boleh dikeluarkan;
  - (c) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan lesen melombong individu;
  - (d) tanah-tanah yang diwartakan sebagai Taman Negeri atau Negara;
  - (e) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan hutan simpan dan tanah rizab yang lain; dan
  - (f) jika diketahui, mana-mana tanah beri milik, tanah pendudukan atau tanah lain yang memerlukan terma dan syarat khas dipenuhi sebelum kelulusan diberikan untuk menjalankan cari gali dan/ atau penjelajahan.

- (4) Peta Rasmi Tenemen Mineral hendaklah disediakan untuk rujukan atas permintaan di pejabat Pengarah.

(5) Sistem Grid Berangka hendaklah menindani di atas Siri (Baru) Peta Topografi Malaysia berskala 1: 63,360 atau 1: 50,000.

(6) Sistem Grid Berangka hendaklah digunakan sebagai asas untuk penentuan sempadan lesen penjelajahan dan lesen mencari gali dan semua pengiraan yang berkaitan dengan keperluan perbelanjaan kerja.

(7) Unit asas bagi Sistem Grid Berangka ialah satu blok 1000 meter kali 1000 meter dan hendaklah dinamakan satu unit dan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual Ketiga.

### **Sempadan**

**23.** Semua sempadan bagi lesen penjelajahan dan lesen mencari gali hendaklah mengunjur tegak ke bawah.

### **Kawasan lesen mencari gali**

**24.** (1) Keluasan minimum suatu kawasan lesen mencari gali adalah satu perempat unit (25 hektar) dan keluasan maksimum adalah empat unit (400 hektar).

(2) Suatu kawasan lesen mencari gali hendaklah, jika boleh, berbentuk segi empat tepat.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bentuk suatu kawasan lesen mencari gali boleh menyimpang daripada segi empat tepat untuk mengambil kira kawasan-kawasan hakmilik yang bersempadan atau tanah-tanah lain yang mempunyai sekatan hakmilik.

### **Kawasan lesen penjelajahan**

**25.** (1) Keluasan minimum suatu kawasan lesen penjelajahan adalah empat unit (400 hektar) dan keluasan maksimum adalah dua ratus unit (20,000 hektar).

(2) Suatu kawasan lesen penjelajahan hendaklah, jika boleh, berbentuk segi empat tepat dan panjangnya tidak boleh melebihi empat kali lebarnya.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bentuk suatu kawasan lesen penjelajahan boleh menyimpang daripada suatu segi empat tepat untuk mengambil kira kawasan hakmilik yang bersempadan atau tanah-tanah lain yang mempunyai sekatan hakmilik.

### **Permohonan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan**

**26.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen mencari gali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 41(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 5A atau 6A Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Fi yang kena dibayar untuk permohonan di bawah subseksyen 41(1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah didaftarkan apabila pembayaran dibuat.

(3) Jika kawasan yang dipohon dalam permohonan bagi mendapatkan suatu lesen mencarigali atau penjelajahan di bawah subperaturan (1) bertindih, secara keseluruhan atau sebahagiannya—

(a) dengan suatu kawasan yang berkenaan dengannya suatu lesen mencari gali, lesen penjelajahan atau pajakan melombong sedang berkuat kuasa;

- (b) dengan suatu kawasan lesen melombong individu; atau
- (c) dengan suatu kawasan yang ditutup kepada tenemen mineral;

kawasan itu hendaklah dikeluarkan daripada pertimbangan dan Pengarah hendaklah dengan seberapa segera yang praktik memberitahu pemohon mengenai pertindihan itu.

(4) Semua permohonan bagi lesen mencari gali dan lesen penjelajahan hendaklah dipertimbangkan atas dasar suatu kelompok tiga bulan.

(5) Hari bekerja terakhir bagi setiap suku tahun dalam tahun kalendar ialah Tarikh Kelompok Suku Tahunan.

(6) Suatu permohonan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan hendaklah disifatkan mempunyai Tarikh Kelompok Suku Tahunan yang tempohnya berakhir dalam suku tahun permohonan itu didaftarkan.

### **Kelulusan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan**

27. Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen 41(1) Enakmen diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

### **Fi pengeluaran**

28. (1) Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 41(7) Enakmen bagi pengeluaran suatu lesen mencari gali atau lesen penjelajahan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Suatu fi pegangan tahunan, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, hendaklah juga dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 41(7) Enakmen dan pada atau sebelum setiap tarikh ulang tahun pengeluaran lesen mencari gali atau lesen penjelajahan itu.

### **Syarat-syarat lesen mencari gali**

29. (1) Tertakluk kepada perenggan 41(7)(a) dan perenggan 42(1)(a) Enakmen, pemegang suatu lesen mencari gali—

- (a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kemajuan suku tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 1 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku tahun kalendar;
- (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan akhir sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 2 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh tamat lesen berkenaan;
- (c) hendaklah membelanjakan pada setiap tahun amaun yang ditetapkan dalam Jadual Kelima; dan
- (d) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah setiap tahun, lima salinan kenyataan perbelanjaan dan pelepasan kerja tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 5D Jadual Pertama pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen itu.

(2) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun melebihi perbelanjaan yang ditetapkan, amaun lebih itu boleh digunakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan bagi tahun-tahun berikutnya.

(3) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun kurang daripada keperluan perbelanjaan yang ditetapkan bagi memegang kawasan-kawasan yang ingin dikekalkan oleh pemegang lesen mencari gali, pemegang lesen mencari gali itu, sebelum tarikh ulang tahun lesen mencari gali itu, hendaklah—

- (a) menentukan kawasan untuk pelepasan;
- (b) membuat suatu pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak boleh dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di pejabat Pengarah, yang cukup untuk menampung jumlah kekurangan itu; atau
- (c) melakukan kedua-dua (a) dan (b),

mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Syarat-syarat lesen penjelajahan**

**30.** (1) Tertakluk kepada perenggan 41(7)(b) dan perenggan 42(1)(a) dan (e) Enakmen, pemegang suatu lesen penjelajahan—

- (a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kemajuan suku tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 3 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku tahun kalender;
- (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 4 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen itu;
- (c) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan akhir sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 5 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh tamat lesen itu;
- (d) hendaklah membelanjakan pada setiap tahun, amaun yang ditetapkan dalam Jadual Keenam; dan
- (e) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah setiap tahun, lima salinan kenyataan perbelanjaan dan pelepasan kerja sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 6C Jadual Pertama pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen itu.

(2) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun melebihi perbelanjaan yang ditetapkan, amaun lebihan itu boleh digunakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan bagi tahun-tahun berikutnya sehingga maksimum tiga tahun yang berikut ke atas mana-mana unit.

(3) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun kurang daripada keperluan perbelanjaan yang ditetapkan bagi memegang kawasan-kawasan yang ingin dikekalkan oleh pemegang lesen penjelajahan, pemegang lesen penjelajahan itu, sebelum tarikh ulang tahun lesen penjelajahan itu, hendaklah—

- (a) menentukan kawasan untuk pelepasan;
- (b) membuat suatu pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak boleh dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di pejabat Pengarah, yang cukup untuk menampung jumlah kekurangan itu; atau
- (c) melakukan kedua-dua (a) dan (b),

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak boleh dikembalikan berkenaan dengan mana-mana lesen penjelajahan tidak boleh lebih daripada dua tahun berturut-turut bagi lesen itu.

(5) Jika, akibat daripada pelepasan, unit-unit terpisah menjadi blok-blok yang tidak bersambung, unit-unit itu hendaklah terus tertakluk kepada terma dan syarat yang sama dengan lesen penjelajahan asal seolah-olah unit berkenaan tidak dipisahkan.

#### **Syarat-syarat berkanun lesen mencari gali atau lesen penjelajahan**

**31.** Pemegang suatu lesen mencari gali atau lesen penjelajahan hendaklah di bawah perenggan 42 (1) (c) Enakmen mematuhi standard alam sekeliling sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*].

#### **Permohonan pembaharuan**

**32.** (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu lesen mencari gali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 43 (2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 5B atau 6B Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 43 (3) Enakmen, permohonan di bawah subseksyen 43(2) Enakmen hendaklah didaftarkan apabila pembayaran fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibuat.

(3) Fi pengemukaan lewat yang hendaklah dikenakan di bawah perenggan 43 (6) (a)(a) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

#### **Kelulusan pembaharuan**

**33.** Jika sesuatu permohonan yang disebut dalam peraturan 32 diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

#### **Permohonan lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras**

**34.** Sesuatu permohonan di bawah subseksyen 45(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 5C Jadual Pertama dan hendaklah didaftarkan apabila pembayaran fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibuat.

#### **Kelulusan lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras**

**35.** Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen 45(1) Enakmen diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

#### **Syarat-syarat lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras**

**36.** Tertakluk kepada subseksyen 45 (2) Enakmen, pemegang lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras hendaklah meneruskan penjelajahan batuan keras di bawah terma dan syarat yang sama termasuk keperluan pelaporan dan perbelanjaan, kecuali had kawasan minimum lesen penjelajahan tidaklah terpakai bagi lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras.

### **Fi pembaharuan**

- 37.** (1) Fi yang kena dibayar atas kelulusan di bawah subseksyen 46(1) Enakmen bagi pembaharuan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan atau lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
- (2) Fi pegangan tahun pertama yang disebut dalam perenggan 46(1)(bb) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Pelepasan sukarela**

- 38.** Pemberitahuan untuk melepaskan mana-mana kawasan mencari gali atau penjelajahan di bawah seksyen 50 Enakmen berkenaan dengan lesen yang telah diberikan hendaklah dibuat dalam Borang 5D atau 6C Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Notis bagi penjelajahan lapangan**

- 39.** (1) Notis bagi permulaan penjelajahan lapangan berkaitan dengan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 52 (3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7A Jadual Pertama.
- (2) Notis penemuan yang berkaitan dengan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan di bawah seksyen 53 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7B Jadual Pertama.
- (3) Notis dan notis tambahan yang perlu disampaikan atau disebabkan disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada semua pihak yang disebut di bawah subseksyen 56 (2) dan (3) Enakmen tentang niat Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan lesen mencari gali atau lesen penjelajahan hendaklah dibuat dalam Borang 7C Jadual Pertama.
- (4) Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkinan atau pelanggaran di bawah perenggan 57 (1) (b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7D Jadual Pertama.

### **Penyerahan**

- 40.** (1) Permohonan untuk menyerahkan lesen mencari gali atau lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 60(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7E Jadual Pertama.
- (2) Fi yang kena dibayar bagi permohonan untuk menyerahkan lesen itu adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

## **Bab 6 – Pajakan Melombong**

### **Permohonan pajakan melombong**

- 41.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu pajakan melombong di bawah subseksyen 63 (1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8A Jadual Pertama.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 63 (1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

### **Kelulusan**

**42.** Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen 63(1) Enakmen diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

### **Penukaran skala besar kepada skala kecil dan sebaliknya**

**43.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 63(10) dan (11) Enakmen, sesuatu permohonan bagi membuat penukaran suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil atau penukaran suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar hendaklah dibuat dalam Borang 8C atau 8D Jadual Pertama mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

### **Fi pengeluaran**

**44.** Fi yang kena dibayar di bawah perenggan 63 (12) (a) Enakmen bagi pengeluaran suatu pajakan melombong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Pembaharuan pajakan melombong**

**45.** (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu pajakan melombong di bawah subseksyen 66 (3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8B Jadual Pertama.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 66(3) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

### **Syarat-syarat berkanun pajakan melombong**

**46.** (1) Menurut perenggan 72(1)(b) Enakmen, pemegang suatu pajakan melombong menurut perenggan 72 (1) (b) Enakmen -

(a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kemajuan suku tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 6 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku tahun kalendar; dan

- (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kerja tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam Format 7 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh ulang tahun pajakan melombong itu.
- (2) Menurut perenggan 72(1)(d) Enakmen, pemegang suatu pajakan melombong hendaklah mematuhi standard alam sekeliling yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].

### **Kelulusan pembaharuan**

- 47.** Jika suatu permohonan yang disebut dalam peraturan 43 diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

### **Notis**

- 48.** (1) Notis bagi permulaan kerja pembangunan dan perlombongan di bawah seksyen 74 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8E Jadual Pertama.
- (2) Notis dan notis tambahan yang perlu disampaikan atau disebabkan disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang disebut dalam subseksyen 76(2) dan (3) Enakmen tentang niat Pihak Berkuasa Negeri untuk melucutahkan pajakan melombong itu hendaklah dibuat dalam Borang 8F Jadual Pertama.
- (3) Notis di bawah perenggan 77(1)(b) Enakmen yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran hendaklah dibuat dalam Borang 8G Jadual Pertama.

### **Penyerahan pajakan melombong**

- 49.** (1) Permohonan di bawah sebseksyen 80(1) Enakmen untuk menyerahkan tanah lombong hendaklah dibuat dalam Borang 8H Jadual Pertama.
- (2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 80(1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

## **Bab 7 – Lesen Melombong Tuan Punya**

### **Permohonan lesen melombong tuan punya**

- 50.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen melombong tuan punya di bawah subseksyen 81 (1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9A Jadual Pertama.
- (2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 80(1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

### **Kelulusan**

- 51.** Jika sesuatu permohonan yang disebut dalam subperaturan 50(1) diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

### **Fi pengeluaran**

- 52.** Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 81 (10) Enakmen bagi pengeluaran suatu lesen melombong tuan punya adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Pembaharuan lesen melombong tuan punya**

**53.** (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu lesen melombong tuan punya di bawah perenggan 82 (1) (b) dibaca dengan seksyen 66 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9B Jadual Pertama.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah perenggan 82(1)(b) dibaca dengan seksyen 66 Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

### **Notis**

**54.** (1) Notis dan notis tambahan yang perlu disampaikan atau disebabkan disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 83 (2) dan (3) Enakmen tentang niat Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan lesen hendaklah dibuat dalam Borang 9C Jadual Pertama.

(2) Notis di bawah perenggan 84(1)(b) Enakmen yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran hendaklah dibuat dalam Borang 9D Jadual Pertama.

### **Penyerahan lesen melombong tuan punya**

**55.** (1) Permohonan di bawah subseksyen 87(1) Enakmen untuk menyerahkan lesen melombong tuan punya hendaklah dibuat dalam Borang 9E Jadual Pertama.

(2) Fi yang kena dibayar bagi permohonan di bawah subseksyen 87(1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

## **BAHAGIAN III**

### **PAMPASAN**

#### **Permohonan pampasan**

**56.** Permohonan di bawah subseksyen 92(6) Enakmen bagi menentukan amaun pampasan yang kena dibayar hendaklah dibuat dalam Borang 10A Jadual Pertama.

#### **Prosedur penentuan amaun pampasan yang kena dibayar**

**57.** (1) Menurut subseksyen 92(7) Enakmen dan atas pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, Pengarah hendaklah menetapkan tarikh pendengaran dan memberitahu pihak-pihak mengenai pendengaran itu dalam Borang 10C Jadual Pertama.

(2) Pengarah hendaklah mempunyai kuasa bagi memanggil dan memeriksa saksi, melaksanakan sumpah atau pengesahan, dan bagi menghendaki pengemukaan dan penyerahan dokumen.

(3) Dalam menjalankan suatu pendengaran di bawah peraturan ini, Pengarah hendaklah—

- (a) menentukan amaun pampasan yang kena dibayar, jika ada; dan
- (b) menyebabkan salinan keputusan itu dihantar kepada setiap pihak yang terjejas.

**BAHAGIAN IV**  
**OBLIGASI KEWANGAN**

**Kadar fi pegangan dan sewa**

**58.** Kadar fi pegangan dan sewa yang kena dibayar di bawah subseksyen 94 (2) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Cara pembayaran fi pegangan dan sewa**

**59.** Menurut subseksyen 94 (3) Enakmen—

- (a) suatu fi pegangan atau sewa tahunan dan setiap tahun selepasnya, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, hendaklah dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencari gali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong;
- (b) fi pegangan atau sewa itu yang berkenaan dengan mana-mana kawasan yang dilesenkan atau dipajakkkan hendaklah kena dibayar dari permulaan tahun kalender yang dalamnya lesen mencari gali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong berkenaan dikeluarkan, atau, jika lesen atau pajakan itu dikeluarkan selepas habisnya bulan September fi pegangan atau sewa itu hendaklah kena dibayar daripada permulaan tahun kalender yang berikutnya;
- (c) fi pegangan atau sewa yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana tahun kalender hendaklah kena dibayar sepenuhnya pada hari pertama tahun yang berkenaan dan, jika tidak dibayar segera, hendaklah dikira bagi tujuan peraturan ini sebagai tertunggak pada hari pertama bulan Jun dalam tahun itu; dan
- (d) fi pegangan atau sewa itu hendaklah kena dibayar bagi keseluruhan tahun kalender yang dalamnya tempoh lesen mencari gali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong itu tamat.

**Kadar royalti**

**60.** Menurut subseksyen 95 (2) Enakmen, kadar royalti yang kena dibayar ke atas mana-mana mineral yang didapati adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Penentuan nilai pasaran mineral**

**61.** (1) Kaedah bagi menentukan nilai pasaran suatu mineral hendaklah berdasarkan—

- (a) hasil jualan yang diperoleh oleh pemegang tenemen mineral;
- (b) rujukan kepada harga bulanan bagi mineral sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Galian; atau
- (c) rujukan kepada siri harga yang diterbitkan bagi mineral itu yang diiktiraf secara meluas dan digunakan oleh masyarakat perlombongan antarabangsa sebagai harga rujukan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menentukan kaedah bagi menentukan nilai pasaran sesuatu mineral.

### **Pembayaran royalti**

**62.** (1) Pemegang suatu tenemen mineral, yang dikehendaki di bawah Enakmen untuk membayar royalti berdasarkan nilai mineral, hendaklah menjual atau memindahmilikkan mineral yang dikeluarkan pada harga yang mencerminkan keadaan pasaran dunia.

(2) Pemegang suatu tenemen mineral hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas tamatnya setiap bulan, menghantar kepada Pengarah royalti dan suatu laporan bagi bulan kalendar sebelumnya yang menunjukkan dengan lengkap butir-butir yang dikehendaki untuk mengira royalti sedemikian, termasuk, jika berkenaan—

- (i) kuantiti mineral;
- (ii) terma dan pihak yang terlibat, mengenai apa-apa penjualan, pemindahmilikan, penghantaran atau pelupusan lain mineral itu;
- (iii) nilai pasaran mineral itu;
- (iv) kaedah pengiraan nilai pasaran mineral itu, termasuk butir-butir mengenai apa-apa kos yang ditolak untuk mengira nilai pasaran; dan
- (v) melaporkan apa-apa transaksi, pemindahmilikkan, perkiraan dan urus niaga yang melibatkan syarikat gabungan berserta dengan dokumen sokongan yang berkaitan.

### **Notis tuntutan tunggakan sewa, fi dan royalti**

**63.** Suatu notis tuntutan di bawah subseksyen 98(1) Enakmen hendaklah—

- (a) dalam hal suatu notis bagi menuntut tunggakan fi pegangan dibuat dalam Borang 11A Jadual Pertama;
- (b) dalam hal suatu notis bagi menuntut tunggakan sewa tanah dibuat dalam Borang 11B Jadual Pertama; dan
- (c) dalam hal suatu notis bagi menuntut tunggakan royalti dibuat dalam Borang 11C Jadual Pertama.

## **BAHAGIAN V**

### **PERUNTUKAN MENGENAI AIR**

#### **Permohonan lesen air**

**64.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen air di bawah subseksyen 100 (1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12A Jadual Pertama.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 100(1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

#### **Kelulusan lesen air**

**65.** Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen 100(1) Enakmen diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

### **Fi pengeluaran lesen air**

**66.** Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 100(5) Enakmen bagi pengeluaran suatu lesen air adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Permohonan permit air**

**67.** (1) Sesuatu permohonan bagi suatu permit air di bawah subseksyen 101(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12B Jadual Pertama.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 101(1) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

### **Kelulusan permit air**

**68.** Jika sesuatu permohonan di bawah subseksyen 101(1) Enakmen diluluskan atau ditolak oleh Pengguna Lombong, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

### **Fi pengeluaran permit air**

**69.** Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 101(2) Enakmen bagi pengeluaran suatu permit air adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Permohonan pembaharuan permit air**

**70.** (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu permit air di bawah perenggan 101 (3) (a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12B Jadual Pertama.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan di bawah perenggan 101(3)(a) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan apabila pembayaran dibuat, permohonan itu hendaklah didaftarkan.

### **Kelulusan pembaharuan permit air**

**71.** Jika sesuatu permohonan di bawah perenggan 101(3)(a) Enakmen diluluskan atau ditolak oleh Pengguna Lombong, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin tentang keputusan itu.

### **Notis**

**72.** Notis di bawah perenggan 106(3)(b) Enakmen yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran hendaklah dibuat dalam Borang 12C Jadual Pertama.

### **Permohonan pampasan**

**73.** Sesuatu permohonan bagi pampasan di bawah subseksyen 110 (3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 10A Jadual Pertama.

### **Penentuan pampasan**

**74.** Dalam menentukan amaun pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen 110 (3) Enakmen, Pengarah atau Pengguna Lombong, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah tertakluk kepada tatacara yang dinyatakan di bawah Bahagian III Peraturan-Peraturan ini.

**Permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing sungai**

**75.** (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran bertulis bagi mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai, anak sungai atau alur air di bawah subseksyen 111 (2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12D Jadual Pertama.

(2) Fi bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 111(2) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Permohonan untuk mengubah atau mengganggu anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter**

**76.** (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran bertulis bagi mengubah atau mengganggu tebing mana-mana anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter di antara tebing-tebingnya di bawah subseksyen 111 (4) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12E Jadual Pertama.

(2) Fi bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 111(4) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Standard air**

**77.** Menurut subseksyen 113 (1) Enakmen, pemegang suatu tenemen hendaklah mematuhi standard alam sekeliling yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**BAHAGIAN VI****MEREKOD DAN PENDAFTARAN****Fi pengeluaran**

**78.** Fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 116 (3) Enakmen hendaklah juga dikenali sebagai fi pengeluaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Akuan penerimaan**

**79.** Akuan penerimaan di bawah seksyen 121 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13A Jadual Pertama.

**Fi pemeriksaan**

**80.** Fi pemeriksaan bagi apa-apa daftar suatu tenemen mineral dan lesen air dan permit air di bawah seksyen 125 Enakmen, selain suatu pajakan melombong, adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**BAHAGIAN VII****PEMULIHAN****Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong**

**81.** Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong di bawah perenggan 128 (1) (a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13B Jadual Pertama.

**Pembayaran sejumlah wang tahunan ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama**

**82.** (1) Sejumlah wang tahunan yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah perenggan 129 (4) (b) Enakmen adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Menurut subseksyen 129 (11) Enakmen, sejumlah wang itu hendaklah kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri sebelum pengeluaran pajakan melombong dan pada atau sebelum setiap tarikh ulang tahun pajakan melombong yang dikeluarkan sepanjang tempoh pajakannya.

**Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama**

**83.** Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah perenggan 130 (1) (a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13C Jadual Pertama.

**BAHAGIAN VIII**

**AM**

**Pergerakan bijih mineral**

**84.** (1) Pemilik apa-apa bijih mineral yang didapati daripada tanah yang dipegang di bawah pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen penjelajahan atau lesen mencari gali hendaklah menyimpan suatu buku akaun pengeluaran yang dalamnya pemilik itu hendaklah membuat rekod sebenar pada penutup setiap hari mengenai butir-butir yang berikut—

- (a) berat kasar bijih yang disimpan di lombongnya;
- (b) berat bijih kering bersih yang dikeluarkan daripada tanah;
- (c) berat kasar bijih yang dijual; dan
- (d) berat kasar bijih yang dimiliki olehnya dan disimpan di tempat lain.

(2) Buku itu tidak boleh dimusnahkan sehingga suatu selang masa selama dua (2) tahun selepas berakhirnya tahun semasa apabila kemasukan yang terakhir dibuat telah luput.

(3) Bijih mineral yang didapati di bawah suatu lesen mendulang atau lesen melombong individu hendaklah diiringi dengan lesen yang di bawahnya bijih itu didapati apabila bijih itu dialih, diangkut, dihantar atau dieksport.

(4) Bijih mineral yang didapati daripada tanah di bawah suatu pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencari gali atau lesen penjelajahan hendaklah diiringi dengan suatu dokumen perjalanan, sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 13D Jadual Pertama, yang dikeluarkan oleh pemegang pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencari gali atau lesen penjelajahan yang mengandungi maklumat berkaitan dengan pemilik, butir-butir bijih mineral itu, butir-butir pengangkutan, tempat tujuan dan orang yang menerima penghantaran itu.

**Kesalahan yang boleh dikompaun**

**85.** (1) Tertakluk kepada subseksyen 174 (1) Enakmen, mana-mana orang boleh dikompaun kerana melanggar atau gagal mematuhi seksyen 150 hingga 164 Enakmen.

(2) Suatu notis yang memaklumkan niat untuk mengkompaunkan apa-apa kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 14A Jadual Pertama oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(3) Berikutan dengan pengeluaran notis itu, suatu tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 14B Jadual Pertama oleh Pengarah atau Timbalan Pengarah.

(4) Penerimaan tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 14C Jadual Pertama.

(5) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan diterima, pembayaran hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk wang tunai, kiriman wang, arahan pos atau draf bank yang kena dibayar kepada Pengarah.

(6) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran, atau apa-apa perlanjutan tempoh tawaran itu yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan ke atas kesalahan hendaklah dimulakan tanpa notis selanjutnya diberikan.

**Pemindahan jentera pengorek**

**86.** Menurut subseksyen 185 (1) Enakmen—

- (a) bagi maksud mendapatkan suatu lesen untuk memindahkan jentera pengorek, permohonan bagi suatu siasatan hendaklah dibuat dalam Borang 10B Jadual Pertama;
- (b) fi permohonan bagi menjalankan suatu siasatan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; dan
- (c) fi bagi pengeluaran suatu lesen bagi memindahkan jentera pengorek adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Notis mengenai siasatan**

**87.** Notis mengenai siasatan dan notis tambahan lain di bawah perenggan 186 (3) (b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 10C Jadual Pertama.

**JADUAL PERTAMA**

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003**  
**PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**BORANG 1**  
**[ subperaturan 2 (1) ]**

**PERMOHONAN UNTUK PEMINDAHMILIKAN TENEMEN MINERAL**

[ Enam salinan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian /  
Pengarah Tanah dan Ukur ]

**BUTIR-BUTIR PEMINDAH MILIK**

**INDIVIDU** (Jika melebihi seorang individu, kemukakan butir-butir setiap individu secara berasingan sebagai Lampiran )

(a) Nama : \_\_\_\_\_

(b) No. K.P. / Pasport : \_\_\_\_\_

(c) Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(d) \* No. Lesen / Pajakan : \_\_\_\_\_

(e) Tarikh dikeluarkan: \_\_\_\_\_ Tarikh tamat: \_\_\_\_\_

**SYARIKAT ATAU BADAN KORPORAT**

(a) Nama : \_\_\_\_\_

(b) Jenis syarikat /badan korporat: \_\_\_\_\_  
[ Memorandum dan artikel penubuhan syarikat (jika telah diperbadankan) hendaklah dikemukakan ]

(c) Tarikh dan tempat pendaftaran : \_\_\_\_\_

(d) Alamat perniagaan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(e) No. telefon: \_\_\_\_\_ Faks: \_\_\_\_\_ Teleks : \_\_\_\_\_

**TUJUAN PEMINDAHMILIKAN**

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**BUTIR-BUTIR PENERIMA PINDAH MILIK & CADANGAN PROGRAM KERJA**  
(Untuk diisi oleh penerima pindah milik)

**INDIVIDU** (Jika melebihi seorang individu, kemukakan butir-butir setiap individu secara berasingan sebagai Lampiran)

(a) Nama penuh : \_\_\_\_\_

(b) No. K.P./Pasport. : \_\_\_\_\_

(c) Tarikh lahir: \_\_\_\_\_ (d) Jantina : \* Lelaki/Perempuan

(e) Alamat tetap :  
\_\_\_\_\_

(f) Alamat surat menyurat: \_\_\_\_\_  
(jika berbeza daripada atas) \_\_\_\_\_

(g) Kewarganegaraan: \_\_\_\_\_ (h) Pekerjaan : \_\_\_\_\_

**SYARIKAT ATAU BADAN KORPORAT**

(a) Nama : \_\_\_\_\_

(b) Jenis syarikat /badan korporat: \_\_\_\_\_  
| 5.         | i. Permohonan lesen melombong mencari gali<br>ii. Permohonan pembaharuan lesen mencari gali   | 26 (2)32 (2)               | 41 (1)43 (2)  | 5A 5B                                    | 200.00           |
| 6.         | Permohonan lesen mencari gali dengan peluasanbatuan keras   | 34 (2)                     | 45 (1)  | 5C                                       | 200.00           |
| 7.         | i. Permohonan lesen penjelajahan. Permohonan pembaharuan lesen penjelajahan<br>ii. Permohonan penyerahan lesen mencari gali/lesenpenjelajahan/lesen mencari gali      | 26 (2)32 (2)<br>40 (1) (2) | 41 (1)43 (2)<br>60 (1)  | 6A 6B<br>7E                              | 300.00<br>50.00  |
| 8.         | Permohonan penyerahan lesen dengan peluasanbatuan keras   |                            |   |  |                  |
| 9.         | i. Permohonan pajakan melombongii. Permohonan pembaharuan pajakan melombong<br>ii. Permohonan penukaran pengendalian skala besar kepada skala kecil pajakan melombong | 41 (2)45 (1) (2)<br>43 (2) | 63 (1)66 (3)<br>63 (10)   | 8A 8B<br>8C                              | 300.00<br>100.00 |
| 10.        | Permohonan penukaran pengendalian skala besar kepada skala kecil pajakan melombong  | 43 (2)                     | 63 (11)   | 8D                                       | 100.00           |
| 11.        | Permohonan penukaran pengendalian skala kecil kepada skala besar pajakan melombong  | 49 (1) (2)                 | 80 (1)  | 8H                                       | 50.00            |
| 12.        |   |                            |   |  |                  |
| 13.        | i. Permohonan lesen melombong tuan punya<br>ii. Permohonan pembaharuan lesen melombong tuan punya   | 50 (2)53 (2)               | 81 (1)82 (1) (b)  | 9A 9B                                    | 200.00           |
| 14.        | Permohonan penyerahan lesen melombong tuanpunnya  | 55 (1) (2)<br>57 (1)       | 87 (1)<br>92 (6)  | 9E<br>10A                                | 50.00<br>20.00   |
| 15.        | Permohonan pampasan   |                            |   |  |                  |

| BIL | PERKARA   | PERATURAN<br>MINERAL (PERAK)<br>2003/KANUN<br>TANAH NEGARAFI | PERUNTUKAN<br>ENAKMEN                        | BORANG<br>PERATURAN/<br>EN/KTN   | FI (RM)                          |
|-----|---|--|--|----------------------------------|----------------------------------|
| 16. | Permohonan pemindahan kapal korek   | 86 (a) (b)<br>64 (1) (2)<br>67 (1) (2)<br>70 (1) (2)         | 185 (1)<br>100 (1)<br>101 (1)<br>103 (3) (a) | 10B<br>12A<br>12B<br>12B         | 50.00<br>50.00<br>20.00<br>20.00 |
| 17. | Permohonan lesen air  |  |  |                                  |                                  |
| 18. | i. Permohonan permit air<br>ii. Permohonan pembaharuan permit air                 |  |  |                                  |                                  |
| 19. | Permohonan kebenaran mengubah atau mengganggu tebing sungai                       | 75 (2)   | 111 (2)                                      | 12D                              | 200.00                           |
| 20. | Permohonan kebenaran mengubah atau mengganggu tebing anak sungai atau alur sungai | 76 (1) (20)<br>9   | 111 (4)<br>21 (5)                            | 12E<br>A,<br>Enakmen             | 200.00<br>20.00                  |
| 21. | Pengeluaran lesen memfosik  |  |  |                                  |                                  |
| 22. | Pengeluaran lesen mendulang   | 14   | 28 (5)                                       | B,<br>Enakmen                    | 20.00                            |
| 23. | Pengeluaran lesen melombong individu  | 19   | 35 (4)                                       | C,<br>Enakmen                    | 100.00                           |
| 24. | Pengeluaran pembaharuan lesen mencari gali  | 28 (1)<br>37 (1)   | 41 (7) (a)<br>46 (1) (a)                     | D,<br>Enakmen                    | 300.00                           |
| 25. | Pengeluaran pembaharuan lesen perjelajahan  | 28 (1)<br>37 (1)   | 41 (7) (b)<br>46 (1) (b)                     | E,<br>Enakmen                    | 500.00                           |
| 26. | Pengeluaran pembaharuan lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras           | 37 (1)   | 46 (1) (c)                                   | D/E,<br>Enakmen                  | 300.00                           |
| 27. | Pengeluaran lesen melombong tuan punya  | 52   | 81 (10)                                      | G,<br>Enakmen                    | 500.00                           |
| 28. | Pengeluaran lesen air   | 5266   | 81 (10)<br>100 (5)<br>101 (2)                | G/H,<br>Enakmen<br>I,<br>Enakmen | 500.00<br>50.00                  |
| 29. | Pengeluaran permit air  | 69   |  |                                  |                                  |

| BIL | PERKARA   | PERATURAN | PERUNTUKAN ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003/KANUN TANAH NEGARAFI | BORANG PERATURAN/EN/KTN | FI (RM)                        |
|-----|---|-----------|--|-------------------------|--------------------------------|
| 30. | Pengeluaran lesen pemindahan kapal korek  | 86 (c)    | 185 (1)  | J, Enakmen              | 1,000.00                       |
| 31. | Lewat mengemukakan permohonan pembaharuan pajakan melombong   | 45 (3)    | 66 (10)  | -                       | 100.00 – 1,000.00/ bulan       |
| 32. | Lewat mengemukakan permohonan pembaharuan lesen melombong tuan punya  | 53 (3)    | 43 (6)   | -                       | 100.00 – 1,000.00/ bulan       |
| 33. | Lewat mengemukakan permohonan pembaharuan lesen mencari gali/lesen penjelajahan/lesen mencari gali dengan peluasan batuan keras | 32 (3)    | 43 (6)   | -                       | 5,000.00                       |
| 34. | Fi pegangan tahun pertama lesen mencari gali  | 59        | 94 (1)   | -                       | 200.00 seunit                  |
| 35. | Fi pegangan tahun pertama lesen mencari galideng dengan peluasan batuan keras   | 59        | 94 (1)   | -                       | 200.00seunit                   |
| 36. | Fi pegangan tahun pertama lesen penjelajahan  | 59        | 94 (1)   | -                       | 200.00seunit                   |
| 37. | Sewa tahunan pajakan melombong  | 59        | 94 (3) (1)   | -                       | 100.00sehektar                 |
| 38. | Fi tahunan untuk Kumpulan Wang Pemulihian Bersama   | 82 (1)    | 129 (4) (b)  | -                       | 10,000.00                      |
| 39. | Pemeriksaan daftar sesatu tenemen mineral, lesen air, permit air, selain pajakan melombong                                      | 80        | 125  | -                       | 80.00/daftar                   |
| 40. | Pendaftaran pindah milik lesen penjelajahan   | 4         | 19 (6) (a)   | -                       | 500.00                         |
| 41. | Pendaftaran pindah milik lesen melombong tuanpunya  | 4         | 19 (6) (a)   | -                       | 500.00                         |
| 42. | Pengeluaran pajakan melombong   | 44        | 63 (12) (a)  | F, Enakmen              | 20.00 sehektar/<br>Min. 600.00 |
| 43. | Pengeluaran pendua pajakan melombong  | -         | 175 KTN  | -                       | 120.00                         |
| 44. | Pengeluaran pelbagai notis  | -         | -  | -                       | 30.00                          |
| 45. | Pemeriksaan pelan tenemen mineral   | -         | -  | -                       | 20.00                          |
| 46. | Kemasukan kaveat persendirian   | -         | 323 KTN  | 19B                     | 150.00                         |

| BIL | PERKARA  | PERATURAN<br>MINERAL (PERAK)<br>2003/KANUN<br>TANAH NEGARAFI | PERUNTUKAN<br>ENAKMEN<br>PERATURAN<br>EN/KTN | BORANG<br>PERATURAN/<br>EN/KTN | FI (RM)           |
|-----|--|--|--|--------------------------------|-------------------|
| 47. | Kemasukan kaveat pemegang lien   | -  | 330 KTN                                      | 19D                            | 150.00            |
| 48. | Kemasukan kaveat amanah  | -  | 333 KTN                                      | 19 E                           | 150.00            |
| 49. | Permohonan mendarik balik kaveat   | -  | 326 (1) KTN                                  | 19 H                           | 150.00            |
| 50. | Menarik balik kaveat persendirian  | -  | 325 KTN                                      | 19 G                           | 200.00            |
| 51. | Menarik balik kaveat pemegang lien                                       | -  | 331 KTN                                      | -                              | 200.00            |
| 52. | Permohonan membatalkan kaveat amanah                                     | -  | 333 KTN                                      | -                              | 150.00            |
| 53. | Pendaftaran kemasukan memorial yang tidak dinyatakan                     | -  | -  | 16 D                           | 50.00             |
| 54. | Permohonan perintah jual oleh Pentadbir Tanah                            | -  | 254 (3) KTN                                  | 16 H                           | 100.00            |
| 55. | Perintah jual oleh Pentadbir Tanah                                       | -  | 263 KTN                                      | -                              | 100.00            |
| 56. | Penerbitan notis di dalam surat khabar                                   | -  | 433 (6) KTN                                  | -                              | Kadar sebenar     |
| 57. | Bayaran warta  | -  | -  | -                              | Kadar sebenar     |
| 58. | Daftar surat kuasa wakil   | -  | 310 (1) KTN                                  | -                              | 100.00            |
| 59. | Nota surat kuasa wakil   | -  | 310 (2) KTN                                  | -                              | 100.00            |
| 60. | Pengeluaran salinan sah pajakan metombong                                | -  | -  | -                              | 80.00             |
| 61. | Pengeluaran salinan sah surat cara urus niaga                            | -  | -  | -                              | 20.00 /muka surat |
| 62. | Penyediaan salinan sah bagi dokumen yang tidak dinyatakan                | -  | -  | -                              | 20.00 /muka surat |
| 63. | Pendaftaran mana-mana kemasukan memorial suratcara yang tidak dinyatakan | -  | -  | -                              | 20.00 /page       |

| BIL | PERKARA   | PERATURAN | PERUNTUKAN ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003/KANUN TANAH NEGARAFI | BORANG PERATURAN/EN/KTN                     | FI (RM)                            |
|-----|---|-----------|--|---|------------------------------------|
| 64. | Komisen Jualan di bawah Bab 3 Bahagian 16 KTN:<br>Bagi RM 5,000.00 pertama<br>RM5,001.00 – RM10,000.00<br>RM10,001.00 – RM20,000.00<br>RM20,001.00 – RM60,000.00<br>RM60,001.00 ke atas | -         | -  | -   | 10%<br>5%<br>2.5%<br>1%<br>0.5%    |
| 65. | Pendaftaran pindah milik pajakan melombong<br>Bagi RM 250,000.00 pertama<br>RM250,001.00 – RM400,000.00<br>RM400,001.00 – RM600,000.00<br>RM600,001.00 ke atas                          | -         | 215 – 218 (1) KTN  | 14 A<br>14 B<br>16 A & 16 B<br>16 C<br>16 F | 300.00<br>400.00<br>0.15%<br>0.20% |
| 66. | Pendaftaran pindah milik gadaian  | -         | 218 (2) KTN  | 14 B  | 60.00                              |
| 67. | Pendaftaran gadaian   | -         | 242 KTN  | 16 B  | 60.00                              |
| 68. | Penangguhan gadaian   | -         | 247 KTN  | 16 C  | 60.00                              |
| 69. | Pendaftaran sijil jualan oleh mahkamah<br>Bagi RM 250,000.00 pertama<br>RM250,001.00 – RM400,000.00<br>RM400,001.00 – RM600,000.00<br>RM600,001.00 ke atas                              | -         | 259 KTN  | 16 F  | 300.00<br>400.00<br>0.15%<br>0.20% |
| 70. | Pendaftaran Sijil Jualan oleh Pentadbir Tanah<br>Bagi RM250,000.00 pertama<br>RM250,001.00 – RM400,000.00<br>RM400,001.00 – RM600,000.00<br>RM600,001.00 ke atas                        | -         | 265 KTN  | 16 I  | 300.00<br>400.00<br>0.15%<br>0.20% |

| BIL | PERKARA  | PERATURAN<br>MINERAL (PERAK)<br>2003/KANUN<br>TANAH NEGARAFI | PERUNTUKAN<br>ENAKMEN<br>BORANG<br>PERATURAN/<br>EN/KTN | BORANG<br>PERATURAN/<br>EN/KTN | FI (RM) |
|-----|--|--|---|--------------------------------|---------|
| 71. | Melepaskan gadaian   | -  | 278 KTN   | 16 N                           | 60.00   |
| 72. | Permohonan membatalkan gadai kepada pendaftar              | -  | 279 KTN   | -                              | 60.00   |
| 73. | Pendaftaran pembatalan gadai                               | -  | 314 KTN   | 18 B                           | 60.00   |
| 74. | Carian persendirian  | -  | 384 KTN   |                                |         |
|     | i. Satu pajakan melombong                                  |  |   |                                | 40.00   |
|     | ii. Satu perserahan  |  |   |                                | 30.00   |
|     | iii. Satu pembetulan                                       |  |   |                                | 30.00   |
|     | iv. Satu surat cara urus niaga                             |  |   |                                | 30.00   |
| 75. | Carian rasmi   | -  | 385 KTN   | Jadual 4,                      | 80.00   |
|     |  |  | Peraturan Tanah<br>Perak                                |                                |         |
| 76. | Tambahan “sebagai Penegang Amanah” dalam pajakan melombong | -  |   |                                |         |
| 77. | Pendaftaran pemegang amanah                                | -  |   | -                              | 50.00   |
| 78. | Jualan pelan bagi 900 sm atau sebahagiandaripadanya        | -  | 344 (3) KTN   | -                              | 50.00   |
| 79. | Pelbagai rayuan  | -  | -   | -                              | 20.00   |
|     |  |  |   | -                              | 70.00   |

**PENGECUALIAN**

1. Kaveat oleh Pendaftar.
2. Carian Persendirian oleh Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun.
3. Menteri Besar Diperbadankan dan Setiausaha Kerajaan, Diperbadankan.
4. Pendaftaran perintah bicara kuasa di bawah Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955.

**ROYALTI**


| BIL | PERKARA   | PERATURAN   | KADAR |
|-----|---|---|-------|
| 1   | Bayaran royalti untuk:<br>a – timah<br>b – emas<br>c – perak<br>d – kaolin<br>e – Ilmenit<br>f – pasir silika<br>g – batu arang<br>h – bauskit<br>i – mika<br>j – barit<br>k – tembaga<br>l – bijih besi<br>m – hasil sampingan timah | 60<br><br>5% daripada nilai<br>5% daripada nilai<br>5% daripada nilai<br>RM 2.00 / tan<br><br>5% daripada nilai<br>RM 2.00 / tan<br><br>5% daripada nilai<br>RM 1.50 / tan<br><br>RM 1.00 / tan<br><br>5% daripada nilai<br>RM 2.00 / tan<br><br>RM10.00 / tan<br><br>5% daripada nilai<br>5% daripada nilai<br>5% daripada nilai |       |

### JADUAL KETIGA

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

[ subperaturan 22(7) ]

**Sistem Grid Berangka**



GRID TIPIKAL MEWAKILI SATU KELUASAN 10,000 HEKTAR  
DIBAHAGIKAN KEPADA 100 "UNIT"

Penjelasan :

- (1) Suatu “unit” individu boleh dikenali secara unik dengan klasifikasi enam digit.

Contoh :

384557 di atas hendaklah mewakili satu unit 100 hektar disempadani di sebelah kiri dengan garisan 384 dan di bawah dengan garisan 557.

- (2) Suatu blok unit boleh ditandakan dengan menggunakan titik-titik penjuru atau dengan menyenaraikan setiap unit dalam blok yang berkenaan.

- (3) Lesen penjelajahan besar yang mengandungi banyak “unit” boleh ditakrifkan dengan menunjukkan satu Grid penandaan dalam kurungan bagi empat (atau lebih) penjuru kawasan lesen penjelajahan mengikut urutan putaran jam daripada penjuru kiri bawah lesen penjelajahan. Penjuru-penjuru boleh dikenali secara unik dengan klasifikasi lapan angka dalam kurungan.

Contoh :

(38205520), (38205590), (38805590), (38805520) di atas akan mewakili kawasan lesen penjelajahan seluas 4,200 hektar. Sebagai satu alternatif, satu lesen penjelajahan boleh ditakrifkan dengan menyenaraikan semua unit dengan nombor klasifikasi enam angkanya.

- (4) Blok lesen mencari gali kecil yang kurang daripada 100 hektar hendaklah ditakrifkan dengan penandaan “unit” enam angka diikuti dengan huruf A,B,C,D untuk menunjukkan kuadran 25 hektar yang telah dipohon.

Contoh : ( 389556D )

**JADUAL KEEMPAT**

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003**  
**PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**FORMAT 1**  
**[ perenggan 29 (1)(a) ]**

**LAPORAN KEMAJUAN SUKU TAHUNAN LESEN MENCARIGALI**

NO. LESEN MENCARIGALI : \_\_\_\_\_

TEMPOH SAH LESEN : \_\_\_\_\_

TEMPOH YANG DILIPUTI OLEH LAPORAN : \_\_\_\_\_

1. Kawasan semasa yang diliputi oleh lesen:  
(nyatakan nombor unit dan tunjukkan di atas peta berskala 1:50,000 or 1:63,360)
2. Jenis kerja yang dijalankan dalam suku tahun:  
(contoh : penggerudian banka, potongan rintis, lokasi tapak lubang gerek, interpretasi data, penyediaan laporan bagi permohonan pajakan melombong, dsb.  
Jika penggerudian banka, nyatakan bilangan lubang dan jumlah kedalaman lubang yang digerudi sepanjang suku tahun, keluasan yang diliputi dalam hektar dan dalam bentuk peratusan keluasan lesen mencarigali asal)
3. Bilangan hari bekerja dan bilangan pekerja yang terlibat:
4. Faktor yang menghalang kemajuan kerja, jika ada:
5. Data garis dasar yang direkod untuk tujuan penilaian kesan alam sekeliling:
6. Maklumat lain yang berkaitan:

Laporan disediakan oleh \_\_\_\_\_

( Nama / syarikat yang dikontrak )

Laporan dikemukakan oleh \_\_\_\_\_

(Nama pemegang lesen)

**JADUAL KELIMA****ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008****[ perenggan 29 (1) (c) ]****LESEN MENCARI GALI :  
KEPERLUAN KERJA TAHUNAN**

- (1) Nilai Ringgit minimum bagi kerja yang diperlukan berhubung dengan setiap unit (100 hektar) atau mana-mana bahagian satu unit dalam setahun bagi suatu lesen mencari gali yang telah diluluskan adalah seperti yang berikut :
- |  |                |
|--|----------------|
| (a) tahun pertama                          | - RM 6,000.00  |
| (b) tahun kedua                            | - RM 6,000.00  |
| <b><u>tertakluk kepada pembaharuan</u></b> |                |
| (c) tahun ketiga                           | - RM 12,000.00 |
| (d) tahun keempat                          | - RM 12,000.00 |
- (2) Tertakluk kepada Enakmen Mineral (Perak) 2003, kerja yang boleh diterima sebagai memenuhi keperluan kerja minimum termasuklah pencarigalian dan kerja pembangunan asal yang sama sebagaimana yang ditetapkan dalam perkara (2) Jadual Keenam.
- (3) Nilai Ringgit bagi kerja yang diperlukan boleh termasuk kos yang sama sebagaimana yang ditetapkan dalam perkara (3) Jadual Keenam.

**RINGKASAN LOG LESEN MENCARIGALI**

| No. siri | No. lubang/gerek/<br>lubang/parit | Jumlah kedalaman<br>(meter) | Ketebalan<br>beban atas<br>(meter) | Ketebalan<br>kaksa<br>(meter) | Gred<br>kedalaman penuh (*) | Gred<br>kaksa (*) | Keterangan<br>ringkas<br>batuan dasar |
|----------|-----------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|-------------------------------|-----------------------------|-------------------|---------------------------------------|
|          |                                   |                             |                                    |                               |                             |                   |                                       |

(\*) - untuk timah: kg/meter padu  
untuk emas: g/meter padu

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003**  
**PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**FORMAT 2**  
[ perenggan 29 (1)(b) ]

**LAPORAN AKHIR LESEN MENCARIGALI**

- (1) Jika kerja mencarigali dilakukan terutamanya ke atas prospek aluvium, eluvium atau baki, laporan mencarigali hendaklah mempunyai bentuk, kandungan dan urutan yang berikut :
- (a) hendaklah ditaip di atas kertas bond bergred baik dengan setiap mukasurat teks dinomborkan;
  - (b) hendaklah menggunakan kertas bersaiz A4 melainkan untuk peta, log lubang gerek / pelubangan / pemaritan dan apa-apa ilustrasi lain;
  - (c) hendaklah menyatakan semua ukuran dan skala peta dalam unit metrik, walau pun unit imperial yang setara boleh juga ditunjukkan;
  - (d) pada muka surat kulit hadapan:
    - (i) tajuk laporan, memberikan nama orang sebenar, perkongsian atau perbadanan yang baginya kerja dilakukan, unit rujukan grid bagi lesen mencarigali, nombor helaian peta, Negeri, nama dan kelayakan penulis utama laporan dan tarikh;

Contoh

---

Laporan Akhir Lesen Mencarigali 15/1989, helaian peta 17  
Unit Grid : 389556D

Negeri Kedah Darul Aman

Oleh

Ir. Haji Jaafar bin Salim, MMIM, BE (Mining)

Untuk

Kassim bin Ahmad

April 1998

---

- (e) pada muka surat pertama laporan :
- (i) maklumat sebagaimana yang dikehendaki dalam subitem (1)(d); dan
  - (ii) tandatangan penulis dan tarikh laporan;
- (f) suatu peta pelan utama berskala 1:63,360 atau 1:50,000 yang menunjukkan lokasi kawasan lesen mencarigali, bandar, jalanraya dan sungai yang berkaitan;
- (g) suatu peta mencarigali berskala 1: 5,000 atau 1: 6,336 (8 rantai kepada 1 inci) atau lebih terperinci, yang memaparkan kesemua grid, garisan ukur, lokasi lubang gerek / lubang / parit dan aras laras, ciri-ciri topografi tempatan yang berkaitan, dan arah utara geografi;
- (h) suatu “Pendahuluan” yang hendaklah termasuk blok yang telah dicarigali (guna representasi grid), perihalan am kawasan itu, laluan, topografi, tumbuhan dan guna tanah semasa;
- (i) suatu perihalan ringkas mengenai geologi;
- (j) suatu ringkasan mengenai kerja terdahulu jika berkenaan, terutamanya berhubung dengan kerja mencarigali dan melombong;
- (k) ringkasan mengenai kerja mencarigali yang telah dijalankan dan hendaklah termasuk:
  - (i) jenis mineral yang dicarigali;
  - (ii) program mencarigali;
  - (iii) kaedah mencarigali;
- (l) ringkasan mengenai hasil mencarigali, termasuk :
  - (i) butir-butir data lubang gerek / lubang / parit, hasil cerakin dan log hendaklah dijadualkan dengan kemas menurut format yang dilampirkan atau format lain yang boleh diperkenalkan melalui prosedur pentadbiran;
  - (ii) butir-butir setiap lubang gerek / lubang / parit yang menunjukkan jumlah kedalaman, jenis batuan dasar, dan purata gred tanah, kesemuanya hendaklah ditanda dengan jelas di atas peta mencarigali yang dirujuk dalam subitem (1)(g) mengikut cara yang berikut :

**No. lubang gerek / lubang / parit**

Jumlah kedalaman (m) —— Letakkan simbol di sini —— Batuan dasar  
 |  
 Purata Gred ( $\text{kg}/\text{m}^3$  bagi timah)

|   |
|---|
| Simbol :<br>Lubang gerek<br>Lubang<br>Parit |
|---|

- (iii) jika suatu kajian geofizik telah dilakukan, data yang diperolehi hendaklah ditunjukkan di atas peta mencarigali atau atas peta yang berskala sama;
  - (iv) kawasan yang dipilih untuk melombong hendaklah ditandakan di atas peta mencarigali;
  - (v) pengiraan rizab di kawasan yang dipilih hendaklah termasuk :
    - (A) jumlah kawasan rizab bijih ekonomi;
    - (B) purata kedalaman keseluruhan;
    - (C) jumlah isipadu endapan;
    - (D) purata gred endapan,
    - (E) jumlah kandungan mineral (mineral utama dan mineral bersekutu),
    - (F) faktor perolehan, dan
    - (G) jumlah kebolehperolehan mineral;
  - (vi) jika suatu pajakan melombong telah atau akan dipohon, skim melombong yang dicadangkan hendaklah termasuk kaedah melombong, bekalan air, jumlah isipadu bahan amang dan beban atas serta kawasan buangan mereka;
  - (vii) jika kerja mencarigali pada masa hadapan dirancang, suatu perihalan ringkas bersama rasional perlu dimasukkan;
  - (viii) jika berkenaan, suatu penerangan mengapa pemegang lesen mencarigali tidak meneruskan dengan permohonan untuk mendapatkan suatu pajakan melombong;
  - (m) senarai perbelanjaan kerja mencarigali dan pembangunan sehingga sekarang; dan
  - (n) kesimpulan dan syor yang hendaklah termasuk :
    - (i) saiz kawasan yang dipilih untuk melombong, rizab bijih, kadar melombong, hayat lombong dan permintaan suatu pajakan melombong menurut hayat lombong;
    - (ii) jika kawasan tidak dipilih untuk melombong, perlu dinyatakan alasannya; dan
    - (iii) syor bagi kerja mencarigali pada masa hadapan, jika ada; dan
  - (o) hendaklah diakui oleh seorang ahli geologi atau jurutera melombong yang berpengalaman dalam mencarigali di akhir laporan tersebut dengan perkataan yang berikut - " Saya akui bahawa kerja telah dijalankan di bawah seliaan saya dan ini adalah suatu laporan yang tepat mengenai hasil yang diperolehi " .
- (2) Jika pemegang lesen mencarigali menjalankan kerja penjelajahan bagi mineral batuan keras, keperluan laporan adalah sama dengan laporan tahunan bagi suatu lesen penjelajahan.
  - (3) Bagi lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras, keperluan laporan adalah sama dengan laporan tahunan bagi suatu lesen penjelajahan.

## RINGKASAN LOG LESEN MENCARIGALI

| No. siri | No. lubang/gerek/<br>lubang/partit | Jumlah kedalaman<br>(meter) | Ketebalan<br>bebani atas<br>(meter) | Ketebalan<br>kaksa<br>(meter) | Gred<br>kedalaman penuh (*) | Gred<br>kaksa (*) | Keeterangan<br>ringkas<br>batuan dasar |
|----------|------------------------------------|-----------------------------|-------------------------------------|-------------------------------|-----------------------------|-------------------|--|
|          |                                    |                             |                                     |                               |                             |                   |  |

(\*) - untuk timah: kg/meter padu  
untuk enas: g/meter padu

### RINGKASAN:

Keluasan yang dicarigali: (hektar)

Purata kedalaman: (meter)

Anggaran jumlah isipadu: (meter padu)

Purata gred: (g/meter padu atau kg/meter padu)

Purata kedalaman beban atas: (meter)

Jenis batuan dasar:

Keluasan yang dipilih: (hektar)

Anggaran kedalaman: (meter)

Anggaran jumlah isipadu: (meter padu)

Purata gred: (g/meter padu atau kg/meter padu)

Purata kedalaman beban atas: (meter)

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**FORMAT 3  
[ perenggan 30 (1) (a) ]**

**LAPORAN KEMAJUAN SUKU TAHUNAN LESEN PENJELAJAHAN**

NO. LESEN PEJELAJAHAN : \_\_\_\_\_

TEMPOH SAH LESEN : \_\_\_\_\_

TEMPOH YANG DILIPUTI OLEH LAPORAN : \_\_\_\_\_

1. Kawasan semasa yang diliputi oleh lesen :  
(nyatakan nombor unit dan tunjukkan di atas peta berskala 1:50,000 atau 1:63,360)
2. Jenis kerja yang dijalankan dalam suku tahun:
  - 2.1 Kerja teknikal pejabat: (nyatakan contohnya interpretasi gambar foto udara, penyediaan peta asas, dsb.)
  - 2.2 Pemetaan geologi: (nyatakan kawasan yang diliputi, perihalan geologi am, tunjukkan dengan peta)
  - 2.3 Kajian geokimia: (perihalan am berkenaan kerja yang telah dijalankan contohnya persampelan tinjauan, persampelan grid terperinci, pamaritan, penggalian lubang, dsb., kawasan yang diliputi )

Kajian geokimia: Contoh pelaporan:

**Statistik Persampelan**

| Jenis sampel      | Bilangan sampel yang dikutip | Bilangan kumulatif sampel yang dikutip | Kawasan yang diliputi yang dikutip | Jumlah kawasan kumulatif (km. persegi) |
|-------------------|------------------------------|--|------------------------------------|--|
| Endapan (kelodak) |                              |  |                                    |  |
| Pekatan           |                              |  |                                    |  |
| Air               |                              |  |                                    |  |
| Batuan (cekau)    |                              |  |                                    |  |
| (alur)            |                              |  |                                    |  |
| Tanah             |                              |  |                                    |  |
| Lain-lain         |                              |  |                                    |  |
| (nyatakan)        |                              |  |                                    |  |

- 2.4 Kerja analitikal: untuk analisis kimia ke atas setiap sampel, nyatakan:

  - (i) bilangan sampel yang dianalisis
  - (ii) elemen yang dianalisis
  - (iii) nama makmal

2.5 Kajian geofizik : (bagi setiap kajian geofizik, contohnya seismik, elektrik, graviti, magnetik, radiometrik, dll., nyatakan liputan dalam garisan km yang diukur atau sebarang ukuran liputan yang lain)

2.6 Kerja penggerudian: bagi setiap jenis penggerudian, nyatakan:

  - (i) kaedah / jenis gerudi yang digunakan dalam suku tahun
  - (ii) bilangan lubang yang digerudi dalam suku tahun
  - (iii) jumlah kedalaman yang digerudi dalam suku tahun

### 3. Bilangan hari bekerja:

4. Kakitangan: Contoh penyampaian:

| Kategori pekerja           | Pekerja asing | Rakyat Malaysia | Jumlah |
|----------------------------|---------------|-----------------|--------|
| Pengurusan dan profesional |               |                 |        |
| Teknikal dan buruh mahir   |               |                 |        |
| Pentadbiran                |               |                 |        |
| Buruh tidak mahir          |               |                 |        |

5. Faktor yang menghalang kemajuan kerja, jika ada:

6. Data garis dasar yang dikutip untuk tujuan penilaian kesan alam sekeliling:

7. Maklumat lain yang berkaitan:

Laporan disediakan oleh : \_\_\_\_\_  
( Nama orang/ syarikat yang dikontrak )

Laporan dikemukakan oleh \_\_\_\_\_  
(Nama pemegang lesen)

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003**  
**PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**  
**FORMAT 4**  
**[perenggan 30 (1) (b)]**

**LAPORAN TAHUNAN LESEN PENJELAJAHAN**

- (1) Laporan—
  - (a) hendaklah ditaip di atas kertas bond bergred baik dengan setiap mukasurat teks dinomborkan;
  - (b) hendaklah menggunakan kertas bersaiz A4 melainkan untuk peta, log lubang gerek / pelubangan / pemaritan dan apa-apa ilustrasi lain;
  - (c) hendaklah menyatakan semua ukuran dan skala peta dalam unit metrik, walau pun unit imperial yang setara boleh juga ditunjukkan;
  - (d) hendaklah dijilidkan dalam penjilid tahan lasak yang membolehkan teksnya dikeluarkan dengan mudah; dan
  - (e) hendaklah diakui oleh seorang ahli geologi atau jurutera melombong yang berpengalaman dalam mencarigali di akhir laporan tersebut dengan perkataan yang berikut - “Saya akui bahawa kerja telah dijalankan di bawah seliaan saya dan ini adalah suatu laporan yang tepat mengenai hasil yang diperolehi”.
- (2) Laporan kerja bagi lesen penjelajahan yang berasingan atau kumpulan lesen penjelajahan yang berdampingan atau blok yang tidak berdampingan dalam suatu lesen penjelajahan tunggal hendaklah dijilidkan dalam penjilid yang berasingan.
- (3) Laporan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut dalam urutan yang berikut:
  - (a) di muka hadapan penjilid:
    - (i) tajuk laporan, memberikan nama orang sebenar, perkongsian atau perbadanan yang baginya kerja dilakukan, unit rujukan grid bagi lesen penjelajahan, nombor helaian peta, Negeri, nama dan kelayakan penulis utama laporan, tarikh dan tempoh yang diliputi oleh laporan itu;

Contoh:

Laporan Tahunan Kerja Yang Dijalankan Dari Januari 1990  
 Hingga Disember 1990 Bagi Lesen Penjelajahan 1/1989, Helaian Peta 8

Unit Grid : (38205520), (38205590)  
 (38805590), (38805520)

Negeri Kedah Darul Aman

oleh

Yahaya bin Wahab, M.Sc, B.Sc(Hons)(Geology)

untuk

Setia Mining Corporation

Mac 1991.

- (b) di muka pertama laporan:
- (i) maklumat sebagaimana yang dikehendaki dalam subitem (3)(a); dan
  - (ii) tandatangan penulis dan tarikh laporan;
- (c) satu jadual kandungan yang hendaklah termasuk:
- (i) suatu senarai setiap subbahagian utama laporan dengan padanan muka suratnya; dan
  - (ii) suatu senarai setiap lampiran, pelan, peta, gambarajah, rajah atau ilustrasi lain dengan tajuk dan nombor yang menunjukkan nombor padanan atau lokasi dalam laporan;
- (d) ringkasan eksekutif;
- (e) suatu “Pendahuluan” yang hendaklah termasuk:
- (i) peta indeks harta tanah yang jelas menunjukkan sempadan kawasan lesen penjelajahan berhubung dengan ciri-ciri topografi yang boleh dikenali;
  - (ii) satu peta kerja indeks berskala 1:63,360, atau lebih terperinci, yang menunjukkan lokasi kerja dijalankan, termasuk kawasan grid atau kawasan yang dipetakan, berhubung dengan ciri-ciri topografi yang boleh dikenali;
  - (iii) suatu perihalan ringkas mengenai keadaan geografi dan geologi kawasan lesen penjelajahan, guna tanah sekarang, dan bentuk laluan ke kawasan itu;
  - (iv) suatu perihalan ringkas mengenai kerja terdahulu; dan
  - (v) tujuan dan liputan kerja sekarang;
- (f) suatu ringkasan hasil kerja semasa yang perlu mengandungi data teknikal terperinci, interpretasi, kesimpulan dan syor dari keputusan yang diperoleh daripada hasil itu.
- (4) Data teknikal terperinci yang dikehendaki bagi semua kawasan kerja sedemikian dijalankan dalam subsubitem (3)(e)(ii) adalah seperti berikut:
- (a) bagi penetapan grid, satu peta atau peta-peta berskala 1:5,000 atau lebih terperinci, yang menunjukkan lokasi setiap garisan yang ditetapkan;
- (b) bagi interpretasi fotogeologi atau imejan jauh:
- (i) satu kajian semula mengenai prosedur, tahun dan skala gambar foto udara/data penderiaan jauh yang digunakan, nama syarikat yang menjalankan penerbangan atau sumber data gambar foto udara/data penderiaan jauh; hasil dan interpretasi hasil; dan
  - (ii) peta, gambar foto atau gambarajah yang menunjukkan hasil ilustrasi dan interpretasi;
- (c) bagi kajian geologi:
- (i) satu kajian semula yang menyeluruh mengenai semua cerapan dari aspek geologi dan pemineralan (permukaan dan subpermukaan) dan hasil persampelan dan pencerakinan, yang menghubungkan aspek ini dengan kerja terdahulu, jika berkenaan;

- (ii) satu peta atau peta-peta berskala 1:5,000 atau lebih terperinci, menunjukkan garis kasar setiap singkapan/batu tongkol timbul yang diperiksa, jenis batuan, sifat lapisan dan struktur, pemineralan, lokasi sampel dan hasil pencerakinan dan suatu jadual pembentukan; dan
  - (iii) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;
- (d) bagi mencarigali am ke atas tanah:
- (i) suatu perihalan yang bertaip atau bertulis mengenai cerapan; dan
  - (ii) satu peta atau peta-peta berskala 1:5,000 atau lebih terperinci yang menunjukkan:
    - (A) lokasi setiap garisan rentas;
    - (B) lokasi dan hasil setiap bacaan alat yang dibuat;
    - (C) lokasi dan hasil analisis atau cerakin setiap sampel yang diambil; dan
  - (iii) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;
- (e) bagi kajian geofizik:
- (i) suatu perihalan mengenai kaedah prosedur yang diikuti, termasuk komponen yang diukur, unit ukuran, unit yang tengganya hasil dibentangkan, susunan, lokasi pemancar, pembetulan bagi perubahan harian, jeda garis penerbangan, kelajuan di bumi dan kelegaan rupa bumi, jika berkenaan;
  - (ii) buatan, model dan speksifikasi setiap alat yang digunakan;
  - (iii) jika kaedah yang digunakan baru dan tidak diperihalkan dalam kepustakaan yang sedia ada, ringkasan teori yang digunakan dan perihalan lengkap mengenai jenis alat yang digunakan, kaedah pengukuran dan rumusari data dan hasil dari kawasan ujian;
  - (iv) interpretasi dan penilaian hasil, yang menghubungkannya dengan geologi dan topografi kawasan ujian dan dengan kerja terdahulu;
  - (v) pita/cakera data kasar, jika ada; dan
  - (vi) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;
- (f) bagi kajian geofizik udara:
- (i) data yang sebagaimana yang dikehendaki dalam subitem (4)(e);
  - (ii) peta atau profil yang menunjukkan garis penerbangan dan sama ada nilai angka sebenar yang diperoleh atau hasil dalam bentuk kontur, yang mana yang lebih sesuai; dan
  - (iii) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;
- (g) bagi kajian geofizik bumi:
- (i) data yang sebagaimana yang dikehendaki dalam subitem (4)(e);

- (ii) peta atau profil berskala 1:5,000 atau lebih terperinci, yang menunjukkan nilai berangka yang diperoleh dan lokasi sumber dan memberikan data asas jika data ditapis atau diratakan telah digunakan; dan

- (iii) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;

(h) bagi kajian geokimia udara:

- (i) jeda garis penerbangan, kelajuan di bumi dan kelegaan rupa bumi;

- (ii) keadaan meteorologi;

- (iii) hasil kajian kawalan ke atas kawasan berbijih dan tanah tandus yang diketahui; dan

- (iv) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;

(i) bagi kajian geokimia bumi:

- (i) suatu perihalan mengenai tanah, tumbuhan dan tanah, termasuk jenis topografi, aras maksimum dan minimum, penyaliran, jenis tumbuhan dan jenis serta kedalaman tanah;

- (ii) suatu perihalan mengenai prosedur persampelan, termasuk butir-butir mengenai bahan atau horizon yang disampel dan kedalaman sampel;

- (iii) jika batuan dasar telah disampel atau jika batu tongkol timbul telah ditemui, suatu perihalan terperinci mengenai jenis batuan, perubahan, struktur, pemineralan, dsb.;

(iv) bagi analisis:

- (A) nama makmal atau ahli kimia yang menjalankan analisis itu;

- (B) pecahan saiz jejaring sampel;

- (C) nama dan kepekatan reagen yang digunakan untuk pengeluaran setiap elemen yang dianalisis;

- (D) suatu perihalan prosedur kimia bagi menganalisis sampel, yang memperihalkan kaedah baru secara terperinci; dan

- (E) jika pengujian telah dijalankan di lapangan, suatu perihalan mengenai prosedur itu;

- (vi) suatu interpretasi dan penilaian hasil, yang menghubungkannya dengan geologi, pemineralan, topografi dan jenis tanah dsb. bagi kawasan ujian dan dengan kerja terdahulu;

- (vii) jika kurang daripada enam unsur telah dianalisis, peta atau profil berskala 1:5,000 atau lebih terperinci yang menunjukkan lokasi sumber setiap sampel dengan elemen yang sepadan, unit ukuran dan nilai berangka yang diperoleh; dan

(viii) jika enam atau lebih elemen telah dianalisis:

- (A) suatu senarai jadual lengkap atau cetakan komputer bagi kesemua data analisis dengan koordinat sampel yang sepadan dan maklumat teknikal yang diperoleh di lapangan;

- (B) satu peta berskala 1:5,000 atau lebih terperinci, yang menunjukkan lokasi sumber setiap sampel seperti yang dirujuk dalam item (viii)(A); dan
  - (C) jika terdapat perbezaan yang ketara dalam analisis data, satu peta atau peta-peta berskala 1:5,000 atau lebih terperinci, yang menunjukkan data analisis dalam bentuk kasar atau kontur; dan
  - (ix) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;
- (j) bagi pemanitan, penarahan atau pengorekan lubang:
- (i) suatu perihalan bagaimana kerja itu dijalankan;
  - (ii) dimensi setiap parit, kawasan penarahan atau lubang, termasuk beban atas dan kedalaman batuan dasar jika terdedah; dan
  - (iii) peta atau peta-peta berskala 1:1,000 atau lebih terperinci, yang menunjukkan:
    - (A) garis kasar setiap parit, kawasan penarahan atau lubang;
    - (B) perihalan ringkas mengenai geologi batuan dasar dan beban atas; dan
    - (C) lokasi sumber dan hasil cerakin setiap sampel;
- (k) bagi penggerudian:
- (i) bagi setiap lubang gerudi, koordinat grid, condongan dan azimut, garis pusat teras atau lubang, tarikh mula dan siap dan nama syarikat yang menjalankan kerja penggerudian itu;
  - (ii) bagi semua lubang gerudi, dongakan relang yang berkaitan;
  - (iii) hasil ujian kecondongan;
  - (iv) log yang lengkap dan jelas mengenai semua teras atau potongan, yang menyenaraikan semua cerapan pemineralan dan ditandatangani oleh pembuat log;
  - (v) jika pencerakinan dijalankan, hasil yang lengkap hendaklah jelas dipadankan dengan log;
  - (vi) jika pengelogan geofizik dijalankan, sertakan lognya;
  - (vii) bagi penggerudian intan, lokasi tempat menyimpan teras; dan
  - (viii) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;
- (l) bagi kerja pengorekan lubang, penggalian atau kerja bawah tanah lain:
- (i) suatu keterangan bagaimana kerja itu dijalankan dan hasil yang diperoleh;
  - (ii) peta dan keratan berskala 1:500 atau lebih terperinci, yang menunjukkan lokasi kerja yang dijalankan, geologi dan pemineralan yang terperinci; dan
  - (iii) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;

- (m) bagi persampelan dan pencerakinan, kajian metalurgi atau benefisiasi, dan kajian petrografi, petrologi atau mineralografi:
    - (i) suatu perihalan mengenai prosedur pengutipan dan penyediaan sampel;
    - (ii) suatu kajian mengenai prosedur ujian atau kajian, dan hasil ujian dan interpretasi hasil ujian itu;
    - (iii) satu peta atau peta-peta yang menunjukkan dengan jelas lokasi sumber setiap sampel dan penganalisisan atau pencerakinan yang sepadanan;
    - (iv) bagi kajian benefisiasi metalurgi, carta atau gambarajah yang menunjukkan prosedur dan hasil; dan
    - (v) data terjadual, peta, graf, profil atau keratan lain yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja sedemikian;
  - (n) pengiraan rizab, jika berkenaan, haruslah meliputi gred dan tanan, kaedah pengiraan rizab dan apa-apa data sedemikian yang mungkin berguna dalam pembentangan hasil kerja itu;
  - (o) jika kajian sempadan dikehendaki, satu salinan pelan kajian yang telah diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian/ Pengarah Tanah dan Ukur;
  - (p) bagi kajian kawalan atau pemetaan topografi:
    - (i) suatu perihalan prosedur kajian itu; dan
    - (ii) suatu peta rentas tepat yang menunjukkan lokasi kajian yang berhubung dengan sempadan lesen penjelajahan itu;
  - (q) bagi pembinaan jalan:
    - (i) suatu perihalan bagaimana kerja itu telah dilakukan;
    - (ii) panjang dan lebar jalan; dan
    - (iii) peta indeks kerja yang dikehendaki dalam (3)(e)(ii); dan
  - (r) bagi semua kajian permukaan, suatu program perlindungan, penebusgunaan dan pemulihan mana-mana kawasan yang terganggu oleh kerana kerja penjelajahan itu.
- (5) (a) Peta dan ilustrasi lain yang dikemukakan bersama laporan:
- (i) tidak boleh melebihi saiz sembilan puluh sentimeter kali seratus dua puluh sentimeter sebagaimana yang ditakrif oleh had luar simbol atau garisan yang didraf;
  - (ii) tidak boleh berselerak dan hendaklah mempunyai cetakan atau simbol yang besar dan jelas yang masih boleh dibaca setelah dikecilkan dua kali ganda;
  - (iii) hendaklah bergaris hitam;
  - (iv) hendaklah mempunyai latarbelakang yang cerah;
  - (v) hendaklah menggunakan corak hitam atau kod nombor hitam, yang boleh dicampurkan dengan kod berwarna cerah;
  - (vi) hendaklah menunjukkan orientasi utara geografi di atas setiap pelan, peta dan peta indeks;
  - (vii) hendaklah menunjukkan skala koordinat bagi keratan, profil atau gambarajah yang seumpamanya; dan

- (viii) hendaklah, jika sesuai, menunjukkan tajuk pengenalan, skala bar yang bersesuaian dan petunjuk di penjuru kanan bawah;
- (b) semua ilustrasi hendaklah dinomborkan secara berturutan; dan
- (c) ilustrasi bersaiz A4 hendaklah dijilidkan dengan kemas dalam penjilid dan ilustrasi yang lebih besar hendaklah dilipat dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang dilekatkan dengan kemas kepada teks yang dijilid atau yang dikandungkan bersama teks yang dijilid dalam fail kembang bertutup.
- (6) Senarai semua perbelanjaan penjelajahan dan pembangunan bagi tahun berkenaan hendaklah dibutirkan dengan menyatakan elemen yang boleh diterima bagi “kerja yang dikehendaki” (lihat Jadual Keenam).
- (7) Kecuali jika kerja yang telah dikontrakkan keluar, nama, jawatan dan bilangan hari bekerja bagi setiap pekerja yang menjalankan kerja luar atau makmal, atau penyediaan laporan hendaklah diperincikan dalam lampiran.

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**FORMAT 5  
[ perenggan 30 (1) (c) ]**

**LAPORAN AKHIR LESEN PENJELAJAHAN**

- (1) Format laporan akhir hendaklah mengikut format laporan tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Format 4.
- (2) Laporan akhir kerja penjelajahan yang dijalankan hendaklah mengandungi tajuk kecil berikut :
  - (a) Ringkasan eksekutif.
  - (b) Pendahuluan.
  - (c) Ringkasan kerja terdahulu.
  - (d) Geologi and pemineralan.
  - (e) Ringkasan kerja penjelajahan yang telah dijalankan.
  - (f) Ringkasan keputusan yang diperolehi.
  - (g) Pengiraan rizab bijih bagi setiap endapan.
  - (h) Senarai perbelanjaan penjelajahan dan pembangunan.
  - (i) Kesimpulan dan syor.

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003**  
**PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**FORMAT 6**  
[ perenggan 46 (1) (a) ]

**LAPORAN KEMAJUAN SUKU TAHUNAN PAJAKAN MELOMBONG**

NO. PAJAKAN MELOMBONG : \_\_\_\_\_

TEMPOH SAH PAJAKAN : \_\_\_\_\_

TEMPOH YANG DILIPUTI OLEH LAPORAN : \_\_\_\_\_

1. Kawasan semasa yang diliputi oleh pajakan :  
(nyatakan nombor lot dan tunjukkan di atas peta berskala 1:5,000 atau 1:10,000)
2. Jenis kerja yang dijalankan dalam suku tahun :
3. Bilangan hari bekerja :
4. Perjawatan:
5. Faktor yang menghalang kemajuan kerja , jika ada:
6. Laporan :
  - (a) hendaklah ditaip di atas kertas bond bergred baik dengan setiap mukasurat teks dinomborkan;
  - (b) hendaklah menggunakan kertas bersaiz A4 melainkan untuk peta, log lubang gerek / pelubangan / pemaritan dan apa-apa ilustrasi lain;
  - (c) hendaklah menyatakan semua ukuran dan skala peta dalam unit metrik, walau pun unit imperial yang setara boleh juga ditunjukkan;
  - (d) hendaklah dijilidkan dalam penjilid tahan lasak yang membolehkan teksnya dikeluarkan dengan mudah; dan
  - (e) hendaklah diakui oleh seorang jurutera melombong yang berpengalaman dalam melombong di akhir laporan tersebut dengan perkataan yang berikut—“Saya akui bahawa kerja telah dijalankan di bawah seliaan saya dan ini adalah suatu laporan yang tepat mengenai hasil yang diperolehi “.
7. Maklumat lain yang berkaitan.

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**FORMAT 7  
[ perenggan 46 (1) (b) ]**

**LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN PAJAKAN MELOMBONG**

NO. PAJAKAN MELOMBONG : \_\_\_\_\_

TEMPOH SAH PAJAKAN : \_\_\_\_\_

TEMPOH YANG DILIPUTI OLEH LAPORAN :\_\_\_\_\_

1. Kawasan semasa yang diliputi oleh pajakan:  
(nyatakan nombor lot dan tunjukkan di atas peta berskala 1:5,000 atau 1:10,000)
2. Jenis kerja yang dijalankan sepanjang tahun:
3. Bilangan hari bekerja:
4. Perjawatan:
5. Pengeluaran mineral dan penjualan :
6. Faktor yang menghalang kemajuan kerja, jika ada:
7. Laporan :
  - (a) hendaklah ditaip di atas kertas bond bergred baik dengan setiap mukasurat teks dinomborkan;
  - (b) hendaklah menggunakan kertas bersaiz A4 melainkan untuk peta, log lubang gerek / pelubangan / pemaritan dan apa-apa ilustrasi lain;
  - (c) hendaklah menyatakan semua ukuran dan skala peta dalam unit metrik, walau pun unit imperial yang setara boleh juga ditunjukkan;
  - (d) hendaklah dijilidkan dalam penjilid tahan lasak yang membolehkan teksnya dikeluarkan dengan mudah; dan
  - (e) hendaklah diakui oleh seorang jurutera melombong yang berpengalaman dalam melombong di akhir laporan tersebut dengan perkataan yang berikut—“Saya akui bahawa kerja telah dijalankan di bawah seliaan saya dan ini adalah suatu laporan yang tepat mengenai hasil yang diperolehi ”.
8. Maklumat lain yang berkaitan.

**JADUAL KEENAM**

**ENAKMEN MINERAL (PERAK) 2003  
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (PERAK) 2008**

**[ perenggan 30 (1) (d) ]**

**LESEN PENJELAJAHAN :  
KEPERLUAN KERJA TAHUNAN**

- (1) Perbelanjaan dalam nilai Ringgit minimum sebanyak RM100,000 diperlukan untuk mana-mana satu tahun tanpa mengira kawasan lesen menjelajahan yang diluluskan.

Jika nilai Ringgit perbelanjaan tahunan menjelajahan melebihi RM100,000, nilai Ringgit minimum bagi kerja yang diperlukan berhubung dengan setiap unit ( 100 hektar ) atau mana-mana bahagian satu unit dalam setahun bagi lesen itu adalah seperti yang berikut :

|   |                |
|---|----------------|
| (a) tahun pertama                           | - RM 600.00    |
| (b) tahun kedua                             | - RM 1,000.00  |
| (c) tahun ketiga                            | - RM 4,000.00  |
| (d) tahun keempat                           | - RM 8,000.00  |
| (e) tahun kelima                            | - RM 16,000.00 |
| (f) tahun keenam dan ketujuh                | - RM 32,000.00 |
| (g) tahun kelapan, kesembilan dan kesepuluh | - RM 64,000.00 |

**tertakluk kepada pembaharuan**

- |                                    |                |
|------------------------------------|----------------|
| (h) tahun kesebelas dan seterusnya | - RM128,000.00 |
|------------------------------------|----------------|
- (2) Tertakluk kepada Enakmen Mineral (Perak) 2003, kerja yang boleh diterima sebagai memenuhi keperluan kerja minimum termasuk jenis-jenis menjelajahan dan kerja pembangunan asal seperti yang berikut :
- (a) penyelidikan kepustakaan dan analisis kerja yang terdahulu;
  - (b) kajian sempadan dan kawalan serta pemetaan topografi;
  - (c) interpretasi fotogeologi dan imejan jauh;
  - (d) kajian geologi, geofizik dan geokimia;

- (e) penjelajahan am;
  - (f) penetapan garisan grid;
  - (g) pemaritan, penarahan atau pengorekan lubang;
  - (h) kerja pengorekan lubang, penggalian atau kerja bawah tanah lain;
  - (i) pengutipan sampel termasuk persampelan pukal, analisis dan cerakin;
  - (j) penggerudian, di mana teras dan potongan dilogkan dan dianalisis;
  - (k) pengelogan geofizik lubang-lubang gerudi;
  - (l) pengelogan teras gerudi atau potongan;
  - (m) kajian petrografi, petrologi dan mineralografi;
  - (n) kajian metallurgi dan benefisiasi, loji percubaan;
  - (o) penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan dan laporan teknikal lain sebagai mematuhi Enakmen Mineral Negeri;
  - (p) kerja lain yang boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri; dan
